

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penerimaan E-Pembelajaran dalam Subjek Pengiraan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

NORAZNIDA BINTI HUSIN
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
noraznida@kuis.edu.my

NUR SYAHEERA BINTI ATAN
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
syaheera@kuis.edu.my

ABSTRAK

E-pembelajaran merupakan satu cabang baru dalam pembelajaran dan pengajaran (pdp) yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi yang kini sedang meningkat dalam sektor pendidikan di Malaysia. Proses pdp telah banyak mengalami perubahan seiring dengan perkembangan teknologi terkini tambahan pula wabak pandemik yang kian membimbangkan pada ketika ini. Rentetan itu, kebanyakan pusat pengajian tinggi menjalankan proses pdp secara atas talian di mana ia menggunakan rangkaian elektronik untuk penyampaian isi kandungan, interaksi ataupun pemudahcaraan antara pelajar dan pensyarah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penerimaan dan faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran dalam subjek pengiraan iaitu *Business Mathematics* dan *Statistics* di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Faktor-faktor yang diuji di dalam kajian ini ialah kualiti maklumat, kecekapan penggunaan teknologi maklumat, kemudahan teknologi, kualiti sistem dan personaliti individu. Seramai 172 orang pelajar terlibat dalam kajian ini yang mengambil subjek *Business Mathematics* dan *Statistics*. Kaedah analisis kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif dan deskriptif. Instrumen kajian yang digunakan adalah terdiri daripada satu set borang soal selidik yang dibuat menggunakan *google form* dan mengandungi 40 item soalan yang menggunakan skala Likert dan 2 item soalan terbuka. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0 yang merangkumi taburan frekuensi dan min. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kualiti maklumat, kecekapan penggunaan teknologi maklumat, kemudahan teknologi, kualiti sistem dan personaliti individu adalah faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran dipengaruhi oleh kualiti maklumat yang diperolehi daripada e-pembelajaran serta penjimatan masa dan kandungan kursus yang mudah dan bersesuaian dengan tugas. Hasil daripada korelasi pearson menunjukkan semua faktor mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap penerimaan e-pembelajaran bagi subjek *Business Mathematics* dan *Statistics*. Berdasarkan daripada dapatan yang diperolehi, cadangan penambahbaikan diutarakan bagi mencapai matlamat penggunaan sistem e-pembelajaran sebagai medium pembelajaran dan pengajaran serta meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Kata kunci: penerimaan e-pembelajaran, penerimaan teknologi, pengiraan, kualiti makulamt, kualiti sistem.

PENGENALAN

E-pembelajaran adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik seperti LAN, WAN atau Internet yang digunakan untuk penyampaian isi kandungan, interaksi ataupun pemudahcaraan di antara pendidik dan pelajar. E-pembelajaran kian mendapat tempat di kalangan pendidik dan pelajar di institusi pengajian tinggi mahupun di peringkat sekolah menengah, sekolah rendah dan tadika. Menurut Lidia et. al (2019), e-pembelajaran telah dilaksanakan bermula 15 tahun terdahulu. Melalui kaedah ini, pendidik lebih bebas dan mempunyai banyak pilihan untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran melalui penggunaan internet yang lebih meluas. Proses pembelajaran juga menjadi lebih fleksibel kerana tidak mempunyai batasan ruang mahupun waktu. Kaedah ini secara tidak langsung telah mewujudkan transformasi dalam bidang pendidikan iaitu suatu perubahan dari pembelajaran konvensional kepada pembelajaran digital.

Walaupun bagaimanapun, e-pembelajaran bagi subjek pengiraan mempunyai cabarannya tersendiri. Berbeza dengan kandungan pengajaran dan pembelajaran subjek lain, subjek pengiraan melibatkan penggunaan rajah, graf, formula dan latihan intensif serta bimbingan yang berterusan. Instrumen-instrumen ini perlu disampaikan semasa e-pembelajaran dilaksanakan melalui kaedah interaktif di atas talian. Penyampaian kandungan subjek pengiraan juga memerlukan penggunaan istilah yang tepat dan jelas untuk mengelakkan sebarang salah faham (Effandi et.al, 2007). Justeru, cabaran utama kepada pendidik adalah untuk mengenal pasti metodologi penyampaian yang paling berkesan terhadap pelajar melalui medium e-pembelajaran. Tiada kaedah pengajaran dan pembelajaran terbaik dapat dibuktikan, melainkan menggunakan kaedah yang dipilih, kemudian ditentukan kelemahan dan kekuatannya. Memandangkan e-pembelajaran digunakan sebagai medium utama penyampaian pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2020, jadi adalah sangat penting untuk mengetahui tahap penerimaan pelajar terhadap sistem dan kaedah yang digunakan.

Faktor-faktor seperti faktor kualiti maklumat, faktor kecekapan penggunaan teknologi, faktor kemudahan teknologi, faktor kualiti sistem dan faktor personaliti individu dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran khususnya dalam subjek pengiraan. Kelemahan dan kekuatan kaedah yang menggalakkan proses pembelajaran sendiri ini perlu diperhalusi untuk mengoptimumkan kemampuan pendidik dan pelajar meneruskan kegemilangan ilmu dalam menghadapi norma baharu ini. Walaupun penyelesaian secara mutlak tidak dapat dicapai, kajian rintis ini diharapkan dapat meningkatkan mutu dan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah e-pembelajaran khususnya bagi subjek pengiraan.

PENYATAAN MASALAH

E-Pembelajaran kini menjadi pendekatan pelbagai pihak bagi memastikan kelangsungan ilmu dilaksanakan walaupun negara kian menghadapi pelbagai mehnah dan tribulasi. Pandemik Covid-19 yang terjadi di Malaysia khususnya bermula suku pertama tahun 2020 telah memberikan implikasi tidak langsung terhadap sistem pendidikan negara yang menghadapi pelbagai perubahan drastik. Jika sebelum ini penyampaian ilmu dilaksanakan secara bersemuka dan hanya sebahagian penyampaian ilmu dilakukan melalui kaedah e-pembelajaran, kini menyaksikan e-pembelajaran menjadi kewajipan, bukan lagi sebagai pilihan.

Dalam suasana negara menghadapi pandemik penyakit berjangkit yang tiada kepastian pengakhirannya, para pendidik dan pelajar terus bergelut menghadapi norma baru ini. Pengajaran dan pembelajaran diteruskan melalui platform dalam talian sepenuhnya. Kesemua kuliah, tugasan, ujian, tutorial mahupun peperiksaan dilaksanakan secara maya. Hal ini sedikit

sebanyak memberi kesan terhadap pendidik mahupun pelajar, lebih-lebih lagi penyampaian isi kandungan bagi subjek pengiraan.


Pendidik menghadapi cabaran untuk menentukan penyampaian isi kandungan pengajaran melalui kaedah yang paling mudah difahami oleh pelajar, manakala pelajar menghadapi cabaran untuk memahami isi kandungan pembelajaran yang disampaikan oleh pendidik secara maya. Isu ini meraih perhatian kedua-dua belah pihak dan menjadi perbualan hangat dalam diskusi-diskusi ilmiah. Terdapat sekumpulan pelajar tidak mempunyai masalah menghadapi norma baru ini, namun terdapat segelintir pelajar didapati sangat tertekan, tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan baik dan menjejaskan prestasi akademik khususnya bagi subjek pengiraan. Shubungan itu, satu kajian telah dijalankan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Objektif utama pelaksanaan kajian ini adalah:

- i. Mengenalpasti tahap kualiti maklumat, kecekapan penggunaan teknologi, kemudahan teknologi, kualiti sistem dan personaliti individu yang mempengaruhi penerimaan pelajar menggunakan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.
- ii. Mengenalpasti hubungan antara faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan pelajar menggunakan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.

SOROTAN KAJIAN

Penerimaan teknologi dalam proses pembelajaran telah banyak dibincangkan oleh para penyelidik dengan menggabungkan pelbagai model dan teori terhadap kajian yang dijalankan. Di dalam kajian ini terdapat enam faktor diadaptasi dari kajian lepas yang didapati mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran di kalangan pelajar iaitu faktor kualiti maklumat, kecekapan teknologi, kemudahan teknologi, kualiti sistem dan personality individu. Kerangka kajian adalah seperti Rajah 1. Seterusnya, adalah kupasan daripada kajian lepas terhadap enam pemboleh ubah ini.

Rajah 1: Kerangka Teori Kajian



Adaptasi daripada Agatha & Muhamad Suhaimi (2016)

Pada masa kini, e-pembelajaran merupakan platform pembelajaran yang sangat fleksibel dan relevan kerana ia membolehkan komunikasi dua hala dijalankan antara para pensyarah dengan

pelajar dan pelajar dengan pelajar. Menurut Yusof & Karim (2015), penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran adalah faktor yang penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan e-pembelajaran dicapai. E-pembelajaran menekankan kepada keupayaan untuk memudah alih proses pembelajaran tanpa terikat kepada lokasi fizikal di mana proses pembelajaran berlaku (Kukulska-Hulme & Traxler, 2005). Menurut Saedah Siraj (2005), e-pembelajaran adalah penggunaan peranti tanpa wayar bagi membolehkan pembelajaran berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

E-pembelajaran semakin mendapat tempat di kalangan pendidik mahupun pelajar. Inovasi dalam bidang pendidikan memaksa semua pihak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penggunaan e-pembelajaran di pelbagai peringkat. Walau bagaimanapun, pelbagai faktor menyumbang kepada penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran yang dilaksanakan. Faktor kualiti maklumat merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran. Menurut Sebayang (2009), penyampaian maklumat dari segi produk atau perkhidmatan menentukan tahap penerimaan pengguna. Hal ini menunjukkan bahawa kualiti maklumat sangat dititikberatkan dalam menentukan tahap penerimaan pelajar. E-pembelajaran dalam pengiraan memerlukan penyampaian maklumat yang berkesan oleh pendidik kepada para pelajar. Bahan pembelajaran perlulah interaktif dan mudah difahami. Melalui e-pembelajaran, pendidik menyampaikan kuliah, membekalkan bahan-bahan kursus, nota kuliah, ujian dan perbincangan di atas talian. Aktiviti-aktiviti ini dilihat sebagai platform pembelajaran secara maya yang memperlihatkan interaksi di antara dua pihak bagi mewujudkan pengetahuan baru (Ahmad et al., 2012) atau berkongsi pengetahuan sedia ada. Selain itu, Aslina et al. (2016) turut menyatakan bahawa faktor kualiti maklumat melalui penggunaan sistem kebiasaannya mempengaruhi tahap penerimaan yang tinggi atau rendah terhadap pengguna.

Faktor kecekapan penggunaan teknologi juga menyumbang kepada tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran dalam pengiraan. Menurut Mungania (2004), pelajar yang mempunyai tahap kecekapan yang tinggi dalam penggunaan e-pembelajaran mempunyai halangan yang rendah ketika menggunakan e-pembelajaran. Kaedah e-pembelajaran membolehkan pelajar mengakses maklumat melalui dunia tanpa sempadan. Pelajar lebih terdedah kepada ilmu yang tiada hadnya melalui kemahiran teknologi yang diperolehi. Penguasaan terhadap isi kandungan pembelajaran yang lebih mencabar dapat ditingkatkan dengan merujuk pelbagai sumber di atas talian sebagai bahan tambahan yang membantu meningkatkan kefahaman pelajar. Menurut Ting (2007), peribadi pelajar seperti tidak selesa dengan ICT, tidak berminat dengan aplikasi komputer dan tidak memiliki komputer sendiri menjadi penyumbang kepada penerimaan e-pembelajaran di tahap yang rendah. Pelajar yang tidak mempunyai kecekapan yang tinggi dalam e-pembelajaran secara tidak langsung memberi impak terhadap kesediaan dan keyakinan diri dalam menggunakan e-pembelajaran di peringkat pengajian mereka.

Di samping itu, pelaksanaan pembelajaran di institut pengajian tinggi yang kini kebanyakannya dilaksanakan secara tradisional memerlukan integrasi teknologi dengan lebih drastik. Keperluan kepada e-pembelajaran adalah pada tahap yang kritikal dan amat mustahak. Perkara ini memberi kelebihan kepada institut pengajian tinggi menyediakan perkhidmatan yang bersesuaian dengan peringkat global. Menurut Wan Zahid (2005), institut pengajian tinggi yang mempunyai teknologi tinggi sudah tentu dapat menarik lebih ramai penuntut. Hal ini berkait rapat dengan penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran. Kemudahan teknologi menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran khususnya dalam subjek pengiraan. Hal ini disokong oleh Zahiah & Abdul Razaq (2010) yang menyatakan bahawa teknologi mencipta masyarakat dunia baru untuk saling berinteraksi sebagai alat perhubungan, malah juga sebagai alat pendidikan.

Menurut DeLone & McLean (2003) menyatakan kualiti sistem merupakan salah satu faktor yang diadaptasi daripada Model Kejayaan Sistem Maklumat. Bagi menjayakan keberkesanan kualiti sistem, ia memerlukan sokongan teknikal daripada pihak pentadbiran (Agatha, F. & Muhamad Suhaimi, 2016). Faktor ini juga akan menggalakkan seseorang dalam penggunaan sistem seterusnya ia akan mempengaruhi penerimaan pengguna terhadap sistem. Kegagalan dalam memberi sokongan akan menyebabkan pengguna berasa kecewa dan ini akan memberi impak yang negative terhadap penggunaan teknologi.

Sikap individu adalah kuat dipengaruhi oleh personaliti individu tersebut dalam melaksanakan sesuatu perkara. Faktor personaliti individu sangat berkait rapat dengan pencapaian dan penerimaan seseorang terhadap e-pembelajaran. Menurut Kamaruddin Hussin (1993), prinsip kesediaan belajar berpendapat bahawa proses pembelajaran itu akan menjadi lebih berkesan sekiranya sudah wujud kesediaan dalam diri pelajar untuk menerimanya. Menurut Jamaludin Ramli, individu yang mempunyai personaliti sendiri yang positif akan sentiasa mengalami lebih banyak kejayaan berbanding kegagalan. Seterusnya, secara tidak langsung ini boleh dikaitkan dengan tabiat pelajar sama ada dapat menerima teknologi dalam pembelajaran atau sebaliknya.

HIPOTESIS KAJIAN

Terdapat lima hipotesis kajian yang diuji semasa kajian ini dijalankan iaitu:

H_{a1} : Terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti maklumat dengan penerimaan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.

H_{a2} : Terdapat hubungan yang signifikan antara kecekapan penggunaan teknologi dengan penerimaan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.

H_{a3} : Terdapat hubungan yang signifikan antara kemudahan teknologi dengan penerimaan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.

H_{a4} : Terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti sistem dengan penerimaan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.

H_{a5} : Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti individu dengan penerimaan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.

METODOLOGI

Kerlinger (1973) menyatakan bahawa penyelidikan ialah satu usaha menganalisis data melalui kaedah saintifik dengan tujuan untuk mencari solusi kepada permasalahan kajian. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk deskriptif kuantitatif untuk mengupas serta menjelaskan fenomena semasa. Menurut Mohd Majid Konting (1998), kaedah tinjauan adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Tinjauan kajian menerusi penggunaan borang soal selidik digunakan dan diedarkan melalui *google form* untuk memberi gambaran tentang penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar.

Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengambil subjek pengiraan iaitu *Business Mathematics* dan *Statistics* dan telah menggunakan e-pembelajaran bermula semester I, 2020/2021. Seramai 172 orang pelajar terlibat dalam kajian ini dan pemilihan sampel dibuat berdasarkan persampelan rawak.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan bagi kajian ini adalah satu set soal selidik yang dibentuk melalu untuk meninjau pelaksanaan e-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar. Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A (maklumat demografi), B (faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran dalam subjek pengiraan) dan C (penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran dalam pengiraan). Soal selidik ini menggunakan pengukuran skala likert 4 iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju untuk melihat faktor-faktor mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Namun, item-item ini perlu diukur dari segi kesahan dan kebolehpercayaan sebelum menggunakannya.

Ujian Kebolehpercayaan

Data bagi kajian ini dianalisis dengan menggunakan analisis kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* (Jadual 1). Keputusan hasil ujian kebolehpercayaan pada keseluruhan kajian ini menunjukkan penerimaan e-pembelajaran yang merupakan pemboleh ubah bersandar mencatat nilai 0.879 iaitu menunjukkan nilai pekali korelasi yang tinggi. Manakala pemboleh ubah tidak bersandar iaitu faktor kualiti maklumat mencatatkan nilai 0.897, faktor kecekapan IT 0.907, faktor kemudahan teknologi 0.904, faktor kualiti sistem 0.875 dan faktor personaliti individu 0.871.

Jadual 1: Ujian kebolehpercayaan data bagi setiap pemboleh ubah

Bahagian	Bil Soalan	Alpha Cronbach
A Demografi	4	-
Pemboleh ubah bersandar		
B1 Kualiti maklumat	6	0.897
B2 Kecekapan IT	5	0.907
B3 Kemudahan teknologi	7	0.904
B4 Kualiti sistem	7	0.875
B5 Personaliti individu	7	0.871
Pemboleh ubah tidak bersandar		
Penerimaan e-pembelajaran	8	0.879

ANALISIS DAN HASIL DAPATAN

Data-data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 26.0 (Statistical Package for Social Sciences version 26.0). Item-item di Bahagian A akan dianalisis berdasarkan kekerapan dan peratusan. Manakala item-item dalam Bahagian B dan C dianalisis berdasarkan statistik deskriptif peratus, min dan korelasi.

Demografi Responden

Jadual 2 menunjukkan data yang diperolehi daripada demografi latar belakang responden kajian ini iaitu jantina, program pengajian dan tempat tinggal. Di dalam kajian ini didapati

kebanyakkan responden adalah pelajar perempuan yang mencatatkan 66.3% berbanding pelajar lelaki iaitu 33.7%. Responden terdiri daripada pelbagai program pengajian iaitu enam program di peringkat ijazah sarjana muda dan empat program di peringkat diploma. Kesemua responden ini adalah yang mengambil subjek Business Mathematics dan Statistics semasa kajian ini dijalankan. Selain itu, hasil dari kajian ini didapati majoriti responden tinggal di bandar mencatatkan 56.4%, diikuti tinggal di pinggir bandar yang mencatatkan 22.7% dan luar bandar sebanyak 20.9%.

Jadual 2: Profil Demografi Responden

Item		Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	58	33.7
	Perempuan	114	66.3
Program	BB01	24	14.0
	BB02	6	3.5
	BB03	12	7.0
	BB04	3	1.7
	BB05	10	5.8
	BB08	11	6.4
	MS31	15	8.7
	MS32	26	15.1
	MS33	23	13.4
	MS34	42	24.4
Tempat tinggal	Bandar	97	56.4
	Luar bandar	36	20.9
	Pinggir bandar	39	22.7

Analisis Kajian Deskriptif

Analisis menggunakan skor min digunakan untuk mencapai objektif kajian yang pertama iaitu mengenalpasti tahap faktor kualiti maklumat, kecekapan penggunaan IT, kemudahan teknologi, kualiti sistem dan personaliti individu yang mempengaruhi penerimaan pelajar menggunakan e-pembelajaran bagi subjek Business Mathematics dan Statistics. Jadual 3 menunjukkan analisis pengelasan skor min dan tahap penilaian skor min.

Jadual 3: Analisis Pengelasan Skor Min dan Tahap Penilaian

Skor	Tahap
1.00– 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Mohd Majid, 2000

Secara keseluruhannya, analisis bagi kesemua pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar dikelaskan pada tahap min yang sederhana (Jadual 4). Jadual 4 menunjukkan analisis skor min bagi kajian ini di mana faktor kualiti maklumat mencatatkan nilai skor min yang tertinggi iaitu 3.0446 diikuti dengan faktor kemudahan teknologi iaitu 2.8339, faktor kecekapan penggunaan teknologi iaitu 2.6616, faktor personaliti individu iaitu 2.6171 dan faktor kualiti sistem mencatatkan nilai skor min yang terendah iaitu 2.5066. Daripada hasil analisis kajian ini, didapati min keseluruhan faktor mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam subjek Business Mathematics dan Statistics. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap positif dan percaya bahawa kualiti maklumat mempengaruhi penerimaan pelajar dalam e-pembelajaran. Menurut Agutha & Muhammad Suhaimi (2016), Kebanyakan pelajar bersetuju

bahawa fleksibiliti sistem e-pembelajaran dan sumber-sumber atas talian boleh memudahkan serta membantu mereka membuat tugas. Maklumat yang berkualiti akan memenuhi keperluan dan memberi kepuasan kepada pelajar terhadap e-pembelajaran.

Jadual 4: Analisis Skor Min

Faktor	Min	Tahap
Kualiti maklumat	3.0446	Sederhana
Kecekapan IT	2.6616	Sederhana
Kemudahan teknologi	2.8339	Sederhana
Kualiti sistem	2.5066	Sederhana
Personaliti individu	2.6171	Sederhana
Penerimaan e-pembelajaran	2.5291	Sederhana

Analisis Korelasi

Kaedah korelasi Pearson digunakan untuk mengkaji kekuatan hubungan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Jadual 5 menunjukkan tahap hubungan pemboleh ubah terhadap nilai pekali korelasi yang diperolehi melalui analisis kajian.

Jadual 5: Pekali Korelasi

Pekali Korelasi	Kekuatan hubungan
±0.90 – 0.99	Sangat Tinggi
±0.70 – 0.89	Tinggi
±0.40 – 0.69	Sederhana
0 - ±0.39	Rendah

(Sumber: Collins et.al.2009)

Oleh itu, korelasi pearson digunakan untuk mencapai objektif yang kedua iaitu mengenalpasti hubungan antara faktor kualiti maklumat, kecekapan penggunaan teknologi, kemudahan teknologi, kualiti sistem dan personaliti individu.

Jadual 6: Korelasi Pemboleh ubah Tidak Bersandar dan Pemboleh ubah Bersandar

		Penerimaan epembelajaran	Kualiti maklumat	Kecekapan penggunaan teknologi	Kemudahan teknologi	Kualiti sistem	Personaliti individu
Penerimaan epembelajaran	Pearson Correlation	1	0.555**	0.503**	0.545**	0.840**	0.835**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000	.000	.000
Kualiti maklumat	Pearson Correlation	0.555**	1	0.586**	0.550**	0.614**	0.669**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.000	.000	.000
Kecekapan penggunaan teknologi	Pearson Correlation	0.503**	0.586**	1	0.525**	0.534**	0.537**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000	.000	.000
Kemudahan teknologi	Pearson Correlation	0.545**	0.550**	0.525**	1	0.571**	0.603**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000		.000	.000

Kualiti sistem	Pearson	0.840**	0.614**	0.534**	0.571**	1	0.828**
	Correlation						
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000		.000
Personaliti individu	Pearson	0.835**	0.669**	0.537**	0.603**	0.828**	1
	Correlation						
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000	

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada analisis korelasi (Jadual 6) menunjukkan hasil analisis yang direkodkan bagi lima faktor terhadap penerimaan e-pembelajaran dalam subjek pengiraan. Dapatan ini direkodkan dengan menemui nilai korelasi bagi lima faktor menunjukkan nilai yang signifikan serta mempunyai hubungan yang positif terhadap penerimaan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.

Secara terperinci, dua pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor kualiti sistem dan faktor personaliti individu mempunyai hubungan yang signifikan positif tinggi mencatatkan nilai $r=0.840$ dan $r=0.835$ masing-masing pada aras 0.000 (2-hujung). Ini menunjukkan bahawa penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar dipengaruhi oleh kualiti sistem dan personaliti individu. Ini menunjukkan bahawa aspek-aspek kualiti sistem seperti fleksibiliti, pencarian maklumat atas talian dan menggalakkan pelajar berinteraksi boleh mempengaruhi penerimaan responden terhadap sistem e-pembelajaran.

Manakala bagi pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor kualiti maklumat, kemudahan teknologi dan kecekapan penggunaan teknologi mempunyai hubungan yang signifikan positif sederhana di mana masing-masing mencatatkan nilai $r = 0.555$, $r = 0.545$ dan $r = 0.503$ pada aras 0.000 (2-hujung). Ini menunjukkan juga penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar dipengaruhi oleh kualiti maklumat, kemudahan teknologi dan kecekapan penggunaan teknologi. Oleh itu, didapati kesemua faktor dijangka menggalakkan penggunaan sistem, seterusnya mempengaruhi penerimaan pembelajaran berasaskan teknologi dan dapat memberi kepuasan kepada pengguna. Kesimpulannya, keputusan hipotesis adalah seperti Jadual 7.

Jadual 7: Keputusan Hipotesis

Hipotesis	Butiran	Keputusan
H_{a1}	Terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti maklumat dengan penerimaan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.	Diterima
H_{a2}	Terdapat hubungan yang signifikan antara kecekapan penggunaan teknologi dengan penerimaan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.	Diterima
H_{a3}	Terdapat hubungan yang signifikan antara kemudahan teknolog dengan penerimaan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.	Diterima
H_{a4}	Terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti sistem dengan penerimaan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.	Diterima
H_{a5}	Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti individu dengan penerimaan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan.	Diterima

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Hasil kajian mendapati bahawa tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran bagi subjek pengiraan adalah pada tahap sederhana dan dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kualiti maklumat, kecekapan penggunaan teknologi, kemudahan teknologi, kualiti sistem dan personaliti individu. Kualiti maklumat dan kemudahan teknologi sangat dipengaruhi oleh kualiti sistem yang didapati oleh para pelajar semasa menggunakan e-pembelajaran. Kualiti maklumat mencatatkan skor min yang tertinggi di antara faktor-faktor yang lain. Ini menunjukkan bahawa maklumat yang diperolehi oleh pelajar semasa penyampaian pdp oleh pendidik sangat mempengaruhi penerimaan pelajar menggunakan e-pembelajaran. Bahan kursus yang dimuatnaik atas talian mestilah mengikut masa yang ditetapkan dan menepati setiap maklumat yang diperlukan oleh para pelajar.

Hasil kajian juga mendapati bahawa kualiti sistem mempunyai hubungan signifikan positif yang tinggi terhadap penerimaan e-pembelajaran bagi subjek pengiraan. Aspek yang perlu ditekankan dalam kualiti sistem seperti pencarian maklumat atas talian, fleksibiliti serta menggalakkan interaksi antara pelajar dan pendidik mempengaruhi penerimaan responden terhadap sistem e-pembelajaran. Walaubagaimanapun, sokongan dari segi teknikal harus diambil berat oleh pihak institusi pengajian seperti masalah capaian internet yang perlahan yang menyebabkan pelajar kurang minat terhadap e-pembelajaran.

Secara tidak langsung, hasil kajian ini memberi implikasi kepada pihak pengurusan institusi, para pensyarah dan pelajar. Kajian ini dapat menambah pengetahuan dalam e-pembelajaran agar proses pdp dapat dijalankan dengan baik dan berkualiti. Ini juga dapat memberi gambaran jelas berkaitan isu e-pembelajaran terutamanya bagi subjek pengiraan agar langkah-langkah yang sewajarnya boleh diambil perhatian untuk memastikan sistem e-pembelajaran dapat dilaksanakan sesuai mengikut teknologi terkini.

Cadangan kepada kajian akan datang adalah memberi tumpuan kepada kaedah kajian yang dijalankan, pembolehubah tambahan dan responden dalam skop yang lebih luas dengan melibatkan para pensyarah sebagai responden agar maklumat dan pandangan lebih menyeluruh dan mantap. Seterusnya, kajian akan datang juga boleh membuat perbandingan di antara institusi pengajian terhadap penerimaan e-pembelajaran di kalangan pelajar bagi subjek pengiraan.

Rujukan

Ahmad, M., Abbas, M., Wan-Yahaya, W.A.J., and Abdul-Salam, S.N. (2012). Investigating the Knowledge Creation Processes in a Learning Management System (LMS). *Proceedings of Knowledge Management International Conference*, pp. 652-656.

Agatha, F. U & Muhamad, S. T. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di institute. *Jurnal Penyelidikan IPGK BL Tahun 2016*, 13, 1-14.

Aslina Saad, & Ermie Dharlya Daud. (2016). Kepelbagaian model penerimaan teknologi dan sistem maklumat. *International Conference on ICT in Education*, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Chua, Y.P. (2006). *Kaedah penyelidikan: Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

Collins, Jill and Hussey, Roger. (2009). *Business Research: A practical Guide for graduate and under graduate*. 3rd Edition. United Kingdom. Palgrave Macmillan. New York.

DeLone, W.H., & McLean, E.R. (2003). *Model of Information Systems Success: A Ten-Year Update*. 9-30.

Kerlinger (1973). *Foundation of behavioral research*. 3rd Edition New York: Kolt Rinehart and Winston.

Kukukska-Hulme, A., & Traxler, J. (2005). *Mobile Learning: A Handbook for educators and trainers*. London: Routledge.

Kamaruddin Hussin (1993). *Pengajaran lisan: Kemahiran mendengar dan bertutur*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Konting, M. M. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan (Edisi Kelima)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.96.

Mungania, P. (2004). *Employees' Perceptions of Barriers in E-Learning: The Relationship Among Barriers, Demographics, and E-Learning Self-efficacy*.

Saedah Siraj (2005). *Pembelajaran Mobile dalam kurikulum masa depan*. *Jurnal Pendidikan. Journal on Issues of Education*, 27, 115-126.

Sebayang, F. (2009). *Ketersediaan Sistem Informasi Terintegrasi Terhadap Kepuasan Pengguna*. *Jurnal Kewangan dan Perbankan*, 13(2), 325-336.

Ting. (2007). *Kajian Mengenai Penggunaan E-Pembelajaran (E-Learning) di Kalangan Pelajar Jurusan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) Negeri Johor*, 23-36.

Wan Zahid (2005). *Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

Yusof, S.Z.M. & Karim. A.A. 2015. *Pembinaan instrumen penerimaan m-pembelajaran untuk pelajar pusat pengajian tinggi di Malaysia dengan menggunakan analisis Rasch*. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara 5*: 389-398.

Zahiah & Abdul Razaq (2010). *E-Pembelajaran: Evolusi Internet dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat*, *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition*, 5-10.